

24 DEC 2002

Mahathir-Krismas

SIKAP PRIHATIN TANPA MENGIRA BANGSA KELEBIHAN KITA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan perasaan bangga dengan sikap rakyat Malaysia yang benar-benar menitikberatkan soal kemanusiaan tanpa mengira bangsa, agama dan politik.

Perdana Menteri berkata ini terbukti dengan adanya sukarelawan bukan Islam termasuk yang beragama Kristian dari Malaysia yang sanggup menyumbang bakti umpamanya kepada orang Islam di Afghanistan, Pakistan dan Palestin.

"Inilah kelebihan negara kita kerana kita betul-betul prihatin dan benar-benar menitikberatkan kemanusiaan dan bukan ras, agama atau politik. Kita harus kekalkan sifat ini," katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Krismas esok.

Dr Mahathir berkata rakyat boleh bersyukur dan berbangga kerana penindasan ke atas umat Islam oleh bukan Islam di negara lain dikutuk bukan sahaja oleh orang Islam di Malaysia tetapi juga oleh orang bukan Islam.

Katanya, hari ini, pertelingkahan kaum dan agama sering berlaku di mana sahaja seperti yang berlaku di negara lain tetapi ia tidak mempengaruhi rakyat Malaysia yang tetap hidup rukun damai dan harmoni di negara ini.

"Kita perluelihara sifat-sifat ini sepanjang masa. Sesungguhnya kita mendapat banyak faedah daripadanya," katanya.

Perdana Menteri berkata amalan sikap toleransi yang tinggi membolehkan rakyat negara ini hidup aman dan harmoni walaupun mereka mempunyai agama, budaya, bahasa dan berasal daripada keturunan kaum yang berbeza.

Sambil mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakyat Malaysia yang menganut agama Kristian bagi pihak dirinya dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Dr Mahathir mengajak rakyat mengeratkan tali persaudaraan dengan mengunjungi rumah sahabat handai masing-masing.

"Marilah kita kekalkan suasana aman damai yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara tercinta dan kesejahteraan hidup kita semua," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM NMO